Asam Garam RUMAH TANGGA NABI ﷺ

Lipat di sini

Asam Garam RUMAH TANGGA NABI ﷺ

Lipat di sini

فَإِن كَرِهْتُمُوهُنَّ فَعَسَىٰٓ
أَن تَكْرَهُوا۟ شَيْـًٔا
وَيَجْعَلَ ٱللَّهُ فِيهِ
خَيْرًا كَثِيرًا ﴿١٩﴾

"Jika kamu tidak menyukai mereka (pasangan), maka boleh jadi kamu tidak menyukai sesuatu walhal Allah sediakan padanya kebaikan yang banyak sekali!"

(Al-Nisa' 4: 19)

Demikian Allah berpesan.

NABI MUHAMMAD SAW



Khadijah
Aisyah
Saudah
Hafsah
Zainab binti Khuzaimah
Ummu Salamah
Juwairiyah
Zainab binti Jahsy
Ummu Habibah
Maimunah
Safiyyah

Mereka teladan kita.

Asam Garam RUMAH TANGGA NABI ﷺ



Rasulullah sebagai manusia juga berumah tangga. Lalu dalam berumah tangga Baginda hadapi asam garamnya. Ada ketika ceria bersama, ada ketika saling bermasam muka. Ada ketika romantik, ada juga ketikanya berkonflik. Sungguh setiap saat dalam hidup Nabi ada teladan untuk umat. Barulah umat boleh belajar daripada Baginda. Benarlah, Rasulullah uswah hasanah; teladan terbaik. Buku ini memaparkan babak-babak asam garam rumah tangga Nabi yang mungkin kita tidak tahu selama ini, antaranya:

1. Nabi Terasa Hati
2. Sebulan Nabi Merajuk
3. Isteri Intip Nabi
4. Nabi dan Isteri Kemalangan
5. Isteri Berdikari Cari Nafkah
6. Ada Kala Nabi Pun Bergadai
7. Isteri Paksa Nabi Makan Ubat
8. Nabi Layan Sahaja Isteri Cemburu
9. Nabi Bercerai!
10. Isteri Dituduh Curang!

"*Buku ini yang pertama seumpama di tanah air, mungkin juga yang pertama dalam dunia Islam.*"



70+ Babak asam garam rumah tangga Nabi di dalam.



Sem. Malaysia: **RM30.00**
Sabah & Sarawak: **RM32.00**



ASAM GARAM RUMAH TANGGA NABI | LUQMAN MAKHTAR







ISTIMEWA
Grafik Keluarga Nabi di dalam.

Asam Garam RUMAH TANGGA NABI ﷺ

Berselisih faham, bermasam muka dan merajuk itu lumrah.
Rumah tangga Nabi pun begitu.



LUQMAN MAKHTAR
Mantan Editor Majalah *Solusi*
Penulis Siri *X-plorasi al-Quran*










MUHAMMAD LUQMAN MAKHTAR
ialah mantan editor majalah *Solusi*. Kini beliau penulis sepenuh masa dan buku ini karya pertamanya yang diterbitkan sendiri. Sebelum ini 10 buah buku menjadi buah tangan beliau. Anak kelahiran Bachok, Kelantan ini kini menetap di Rawang, Selangor bersama seorang isteri dan lima orang cahaya mata. Doakan agar hasratnya untuk menulis 300 judul buku menjadi kenyataan.



LIDI MEDIA RESOURCES
ialah sebuah syarikat kecil (buat masa ini) yang lahir daripada impian yang besar. LIDI Media berhasrat untuk mengisi fardu kifayah umat untuk menjadi syarikat media Islam tanah air dan antarabangsa, insya-Allah. Sehingga tiba pada saat itu, semoga "lidi" sentiasa mengingatkan kami agar tidak lupa diri. Sebarang idea dan cadangan kerjasama amat dialu-alukan.



BAKAL TERBIT, INSYA-ALLAH!

ISTIMEWA! Grafik Garis Masa Rumah Tangga Nabi



Lebih 70 babak romantik Rasulullah dengan ummul mukminin yang patut diketahui pencinta Nabi, antaranya:

1. Nabi kesat air mata Isteri
2. Mandi Wajib Sama-sama
3. Tidur Satu Selimut
4. Berkongsi Berus Gigi
5. Isteri Mandikan Nabi
6. Nabi Wafat di Pangkuan Isteri

Tempah Sekarang!

Layari **luqmanmakhtar.com/AsamGaram 2**
Tempahan awal akan mendapat cenderahati eksklusif serta berpeluang memenangi hadiah istimewa.



Terima kasih kerana membaca. Doakan saya!



Fb page:
Muhammad Luqman Makhtar



Terima kasih kerana membaca. Doakan saya!



Fb page:
Muhammad Luqman Makhtar





بسم الله الرحمن الرحيم

Asam Garam RUMAH TANGGA NABI



AsamGaram Rabu.indd 1



11/1/18 12:18 PM





Kandungan

Aluan Pengarang	x
Bagaimana Memanfaatkan Buku Ini	xv
Kenali Ummul Mukminin Dahulu	xv
Penafian Saya, Peringatan Bersama	xxi

BAB 1 – KERENAH

Asam Garam 1 - Nabi dan Ummul Mukminin Pun Berselisih Faham	3
Asam Garam 2 – Nabi Terasa Hati	6
Asam Garam 3 – Isteri Bangkang, Nabi Marah itu Biasa	10
Asam Garam 4 – Aisyah Meninggi Suara dengan Nabi	15
Asam Garam 5 – Nabi Biarkan Sahaja Isteri Marah	17
Asam Garam 6 – Nabi Minta, Isteri Tidak Bagi	19
Asam Garam 7 – Aisyah Buat "Perangai" untuk Dapatkan Perhatian Nabi	21
Asam Garam 8 – Nabi Layan Sahaja Isteri Cemburu	23
Asam Garam 9 – Nabi Keluar Malam, Aisyah Cemburu Lagi	25
Asam Garam 10 – Isteri Tunjuk Perangai Depan Orang Ramai	27
Asam Garam 11 – Aisyah Perlekeh Orang, Rasulullah Marah	33
Asam Garam 12 – Aisyah Mengumpat, Rasulullah Tegur	35
Asam Garam 13 – Aisyah Syak Nabi	38
Asam Garam 14 – Aisyah Intip Nabi	39
Asam Garam 15 – Perempuan Lain Suka Nabi, Aisyah Tidak Senang Hati	45







Asam Garam 16 - Isteri Lain Tidak Puas Hati dengan Aisyah	50
Asam Garam 17 - Aisyah dan Zainab Bertekak Lagi	59
Asam Garam 18 - Aisyah, Hafsah dan Zainab Bersaing	63
Asam Garam 19 - Ummu Salamah Mengelak daripada Nabi	65
Asam Garam 20 - Hafsah Pertikai Apa yang Nabi Kata	68
Asam Garam 21 - Dua Tiga Bulan Nabi Merajuk dengan Zainab	71
Asam Garam 22 - Safiyyah Merajuk, Nabi Cuba Pujuk	72
Asam Garam 23 - Nabi Marah, Safiyyah Pula Pujuk	73
Asam Garam 24 - Safiyyah dan Zainab Buat Hal; Kisah Penuh	76
Asam Garam 25 - Aisyah dan Hafsah Menyakat Nabi	79
Asam Garam 26 - Saudah dan Safiyyah Pun Terlibat Menyakat Nabi	82
Asam Garam 27 - Isteri-isteri Berpakat Mendesak Nabi	87
Asam Garam 28 - Aisyah Enggan Patuhi Hasrat Nabi	89
Asam Garam 29 - Hafsah Ikut Aisyah Bantah Nabi	92
Asam Garam 30 - Ummul Mukminin Paksa Nabi Makan Ubat	94
Asam Garam 31 - Nabi Denda Isteri	97

BAB 2 – SUSAH-SENANG

Asam Garam 32 - Berbulan-bulan Dapur Tidak Berasap	103
Asam Garam 33 - Makanan Biasa di Rumah Nabi	105
Asam Garam 34 - Adakala Nabi Terpaksa Bergadai	107
Asam Garam 35 - Nabi Tumpang Rezeki Hamba	109
Asam Garam 36 - Nabi dan Safiyyah Kemalangan	110
Asam Garam 37 - Nabi Kemalangan Lagi	113
Asam Garam 38 - Nabi Bimbang Isteri Kemalangan	115
Asam Garam 39 - Aisyah Siapkan Kalung Kambing	118
Asam Garam 40 - Aisyah Sedih kerana Haid, Nabi Pujuk	117
Asam Garam 41 – Nabi Tunggu Aisyah Selesaikan Umrah	121
Asam Garam 42 – Safiyyah Juga Haid Semasa Haji	123
Asam Garam 43 - Ummu Salamah Pula Sakit	125
Asam Garam 44 - Nabi Berkongsi Impian dengan Isteri	126
Asam Garam 45 - Nabi Berkongsi Kebimbangan dengan Zainab	128
Asam Garam 46 - Rasulullah Buntu, Ummu Salamah Bantu	130









Asam Garam 47 - Nabi Cakna Anak-anak Ummu Salamah	132
Asam Garam 48 - Kalung Aisyah Hilang, Nabi Cari	134
Asam Garam 49 - Safiyyah Kena Ejek	137
Asam Garam 50 - Aisyah Geram Nabi Diperolokkan	139
Asam Garam 51 - Tidak Sempat Ganti Puasa	141
Asam Garam 52 - Nabi Solat dengan Baju Basah	142
Asam Garam 53 - Nabi Lupa Mandi Wajib	143
Asam Garam 54 - Isteri Ingin Ikut Berperang	144
Asam Garam 55 - Isteri Ikut Juga ke Medan Perang	146
Asam Garam 56 - Nabi dan Aisyah Sakit Kepala	148
Asam Garam 57 - Bersembang Tentang Mati	150
Asam Garam 58 - Nabi Simpan Perbelanjaan Setahun	151
Asam Garam 59 - Nabi Hadiahkan Hartanah Kepada Isteri	156
Asam Garam 60 - Ummu Habibah Istihadah Tujuh Tahun	158
Asam Garam 61 - Ummu Habibah Mahu Nabi Nikahi Adiknya	159
Asam Garam 62 - Nabi Santuni Kenalan-kenalan Isteri	162
Asam Garam 63 - Rasulullah Terkenang Khadijah	164
Asam Garam 64 - Khadijah Menguatkan Semangat Nabi	165
Asam Garam 65 - Khadijah Tiada Pengganti	169

BAB 3 – BERDIKARI

Asam Garam 66 - Nabi Buat Sendiri	176
Asam Garam 67 - Zainab Berdikari Cari Nafkah	177
Asam Garam 68 - Saudah Keluar Malam-malam	179
Asam Garam 69 - Saudah Lepaskan Hak	181
Asam Garam 70 - Saudah Pergi ke Mina Dulu	183
Asam Garam 71 - Aisyah Buat Umrah Tanpa Nabi	185
Asam Garam 72 – Aisyah Hias Rumah	188
Asam Garam 73 – Aisyah Buat Sendiri Alas Duduk	189
Asam Garam 74 – Aisyah Ikut Rombongan Pengantin	190
Asam Garam 75 – Aisyah Terima Tetamu	191
Asam Garam 76 – Aisyah Layan Tetamu Yahudi	193
Asam Garam 77 – Aisyah Beli Sendiri	194

AsamGaram Rabu.indd 7



11/1/18 12:18 PM







Asam Garam 78 – Maimunah Merdekakan Hambanya	196
Asam Garam 79 – Maimunah Bijak Cari Jawapan Sendiri	197
Asam Garam 80 – Ummu Salamah Terima Tetamu Pondan	198
Bonus 1 – Wanita Terbaik yang Berdikari	
Bonus 2 – Isteri Sedekahkan Duit Suami	

BAB 4 – KRISIS

Asam Garam 81 – Nabi dan Hafsah Bercerai	203
81.2 – Mengapa Nabi Ceraikan Hafsah	205
81.3 – Hafsah Dicerai Sekali Lagi?	207
Asam Garam 82 – Aisyah Dituduh Curang	208
82.1 – Kisah Penuh 1	210
82.1 – Kisah Penuh 2	217
82.2 – Siapa yang Buat Cerita Dahulu	225
82.3 – Abu Ayub Cegah Isterinya daripada Terpengaruh	226
82.4 – Aisyah Tetap Kenang Jasa Hassan bin Tsabit	228
Asam Garam 83 – Nabi Merajuk dengan Semua Isteri	232
83.2 – Mengapa Nabi Merajuk	235
83.3 – Riwayat Lengkap 1	237
83.4 – Riwayat Lengkap 2	242
83.5 – Berbaik Semula	244
83.6 – Rasulullah Diharamkan Kahwin Lain	250
83.7 – Nabi Dibenarkan Bernikah Semula tetapi Enggan	252

Bibliografi	256
Bagaimana Saya Menyusun Buku Ini	258
Tentang Saya	267
Penutup	272

AsamGaram Rabu.indd 8 11/1/18 12:18 PM





7 CARA
MEMANFAATKAN BUKU INI



AsamGaram Rabu.indd 13 11/1/18 12:18 PM







Kenali Ummul Mukminin Dahulu

Buku ini akan membawa kita menonton adegan demi adegan, babak demi babak yang pernah berlaku dalam rumah tangga Nabi. Seandainya kita kiaskan perkara ini sebagai sebuah drama, maka Rasulullah ialah heronya. Saya kira kita semua cukup mengenali Baginda.

Manakala heroin dalam drama ini pula ialah para ummul mukminin. Sebelas orang kesemuanya. Saya rasa, *wallahua'lam*, ramai antara kita belum cukup mengenali mereka. Maka, saya ingin membawa pembaca mengenali atau mungkin mengulangkaji sepintas lalu tentang mereka menerusi ~~empat~~ dua catatan berikut:

a. Jaringan hubungan antara Nabi dengan ummul mukminin. (Sila rujuk grafik di bahagian sebelah dalam muka depan buku).
b. Profil ringkas 11 orang ummul mukminin.
c. ~~Jadual fakta angka tentang ummul mukminin.~~
d. ~~Garis Masa kehidupan rumah tangga Nabi.~~

(Nota: Dua catatan ini antara kandungan asal yang terpaksa dikeluarkan. Insya-Allah, saya akan muatkan dalam buku kedua. Doakan!)

Saya berharap dengan mengenali mereka pada kadar yang sepatutnya akan membuatkan sesi "menonton" babak-babak asam garam rumah tangga Nabi lebih mengasyikkan. Mudah-mudahan begitu.

AsamGaram Rabu.indd 15 11/1/18 12:18 PM





Profil Ringkas 11 Ummul Mukminin

Antara hukum khas Nabi yang berbeza daripada umat, Baginda dihalalkan bernikah dengan lebih daripada empat orang. Lalu adakah Nabi sesuka hati memanfaatkan "kelebihan" ini? Tidak sekali-kali!

Nabi berpoligami pun selepas kematian isteri pertama. Hanya selepas 25 tahun beristeri satu. Setiap pernikahan Nabi selepas itu punya sebab dan hikmah tersendiri. Catatan-catatan ringkas berikut diharap dapat memberi sedikit gambaran:

① **KHADIJAH** Binti Khuwailid

Keturunan: Arab Quraisy, Bani Asad.

Semasa dinikahi: Janda anak empat/lima.

Bekas suami:

1. Abu Halah bin Zurarah al-Tamimi, meninggal dunia.
2. Atiq bin 'Abid al-Makhzumi, meninggal dunia/ cerai.

Catatan: Kira-kira beliau 15 tahun lebih tua daripada Nabi. Beliau menyunting Nabi dahulu justeru barulah Nabi masuk meminangnya. Beliau isteri yang paling lama Nabi hidup bersama. Beliau satu-satunya isteri yang dikurniai anak. Nabi tidak berpoligami sepanjang bernikah bersamanya. Beliau isteri yang paling disayangi Nabi.

② **SAUDAH** Binti Zam'ah

Keturunan: Arab Quraisy, Bani 'Amir.

Semasa dinikahi: Janda, anak enam orang.

Bekas suami: Sukran bin Amru, meninggal dunia. Sahabat terawal.

Catatan: Isteri kedua. Nabi nikahinya selepas kematian Khadijah. Sebelum itu suaminya meninggal dunia sebaik pulang ke Makkah dari Habsyah. Antara sebab Nabi menikahinya adalah untuk bantu mengasuh anak-anak dan




AsamGaram Rabu.indd 16 11/1/18 12:18 PM





BAB 1

KERENAH











Aisyah Meninggi Suara dengan Nabi

عَنْ النُّعْمَانِ بْنِ بَشِيرٍ قَالَ اسْتَأْذَنَ أَبُو بَكْرٍ رَحْمَةُ اللهِ عَلَيْهِ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَسَمِعَ صَوْتَ عَائِشَةَ عَالِيًا. فَلَمَّا دَخَلَ تَنَاوَلَهَا لِيَلْطِمَهَا وَقَالَ أَلَا أَرَاكِ تَرْفَعِينَ صَوْتَكِ عَلَى رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

فَجَعَلَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَحْجِزُهُ. وَخَرَجَ أَبُو بَكْرٍ مُغْضَبًا. فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حِينَ خَرَجَ أَبُو بَكْرٍ كَيْفَ رَأَيْتِنِي أَنْقَذْتُكِ مِنْ الرَّجُلِ.

قَالَ فَمَكَثَ أَبُو بَكْرٍ أَيَّامًا ثُمَّ اسْتَأْذَنَ عَلَى رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَوَجَدَهُمَا قَدْ اصْطَلَحَا. فَقَالَ لَهُمَا أَدْخِلَانِي فِي سِلْمِكُمَا كَمَا أَدْخَلْتُمَانِي فِي حَرْبِكُمَا.

فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَدْ فَعَلْنَا قَدْ فَعَلْنَا.


AsamGaram Rabu.indd 15 11/1/18 12:18 PM







Nukman bin Basyir mengisahkan, “Suatu hari Abu Bakar meminta izin untuk masuk ke rumah Nabi. Tiba-tiba dia mendengar Aisyah meninggikan suara. Sebaik masuk, Abu Bakar melulu ke arah Aisyah untuk menamparnya. Beliau berkata, ‘Mengapa kamu meninggikan suara terhadap Rasulullah?’

Melihat keadaan itu, Rasulullah segera menahan beliau, lalu beliau keluar rumah dalam keadaan marah (kepada anaknya). Tatkala beliau keluar, Nabi bersabda, ‘Nah, tengok bagaimana saya selamatkan awak daripada orang lelaki!’

Beberapa hari kemudian, Abu Bakar mohon masuk berjumpa Nabi lagi. Kali ini beliau dapati mereka berdua sudah berbaik-baik. Lalu beliau berkata, ‘Sekarang libatkan aku dalam perdamaian kamu, sebagaimana kamu libatkan aku dalam peperangan kamu sebelum ini.’

Lantas Nabi menjawab, ‘Kami sudah buat, kami sudah buat.’” (Riwayat Abu Dawud)

—Sunan Abu Dawud; Kitab Adab, bab Gurauan.



Catatan

1. Jadilah orang penyabar dengan kerenah pasangan. Rasulullah tidak lekas marah terhadap Aisyah. Walhal Baginda di pihak yang benar dan berhak menegur.

2. Tidak boleh mudah-mudah menghukum isteri derhaka atau nusyuz hanya kerana satu dua kes meninggi suara. Antara sunnah Nabi juga ialah menjadi pihak proaktif dalam usaha berdamai.

4. Keluarga mentua boleh masuk campur seperti menegur anaknya yang salah dan menceriakan lagi hubungan sebagaimana tindakan Abu Bakar.

5. Nukman bin Basyir ialah sahabat kecil Nabi. Ketika Baginda wafat, umurnya sekitar 8 tahun. Beliau bayi pertama dalam kalangan Ansar yang dilahirkan selepas Hijrah.



AsamGaram Rabu.indd 16 11/1/18 12:18 PM







Nabi Keluar Malam-malam, Aisyah Cemburu Lagi

أَنَّ عَائِشَةَ زَوْجَ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَدَّثَتْهُ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَرَجَ مِنْ عِنْدِهَا لَيْلًا. قَالَتْ فَغِرْتُ عَلَيْهِ. فَجَاءَ فَرَأَى مَا أَصْنَعُ.

فَقَالَ مَا لَكِ يَا عَائِشَةُ. أَغِرْتِ.

فَقُلْتُ وَمَا لِي لَا يَغَارُ مِثْلِي عَلَى مِثْلِكَ.

فَقَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَقَدْ جَاءَكِ شَيْطَانُكِ.

قَالَتْ يَا رَسُولَ اللهِ أَوْ مَعِيَ شَيْطَانٌ. قَالَ نَعَمْ.

قُلْتُ وَمَعَ كُلِّ إِنْسَانٍ. قَالَ نَعَمْ.

قُلْتُ وَمَعَكَ يَا رَسُولَ اللهِ. قَالَ نَعَمْ. وَلَكِنْ رَبِّي أَعَانَنِي عَلَيْهِ حَتَّى أَسْلَمَ.

AsamGaram Rabu.indd 25 11/1/18 12:18 PM





Sayidatina Aisyah menceritakan bahawa suatu malam Rasulullah keluar dari rumah. Beliau berkata: “Maka aku pun naik cemburu. Selepas itu Baginda pulang, lantas melihat apa yang aku sedang buat.

Nabi berkata, ‘Mengapa dengan awak wahai Aisyah? Awak cemburu?’

Lalu aku pun membalas, ‘Bagaimanalah orang seperti saya tidak cemburu dengan orang seperti awak!’

Baginda bersabda lagi, ‘Syaitan awak datang lagi?’

Aisyah bertanya, ‘Wahai Rasulullah, ada syaitan bersama saya?’

Nabi menjawab, ‘Ya.’

‘Semua orang pun ada?’ soalku.

‘Ya,’ jawab Nabi.

Aku bertanya lagi, ‘Bersama awak pun ada, wahai Rasulullah?’

‘Ya, tetapi Tuhan telah menolong saya mengatasinya sehingga dia masuk Islam.’” (Riwayat Muslim)



Catatan

1. Sayidatina Aisyah ummul mukminin paling cemburu. Kisah-kisah sebegini jangan dilihat sebagai keburukan, sebaliknya sebagai bukti kelebihan Sayidatina Aisyah. Cemburu tanda sayang. Sememangnya beliau isteri yang paling disayangi Baginda, setelah Sayidatina Khadijah.
2. Cemburu janganlah sampai membuta tuli. Sayidatina Aisyah memang seorang yang kuat cemburu. Namun beliau bukan orang yang cemburu membuta tuli. Bahkan kecemburuan sekali-kali tidak menyebabkan beliau buta dan tuli daripada menerima kebenaran.

   Sila amati babak asam garam ini. Bagaimana sesi cemburu dan merajuk boleh sekelip mata bertukar menjadi sesi mempelajari ilmu. Apabila Rasulullah menyebut ‘syaitan awak sudah datang’, Aisyah tidak terasa hati, sebaliknya teruja hendak tahu. ‘Ada syaitan bersama aku?’ Masya-Allah! Ternyata beliau seorang yang kekal waras walaupun sedang cemburu.


AsamGaram Rabu.indd 26 11/1/18 12:18 PM





BAB 2

SUSAH SENANG



Kaabah dan Masjidilharam pada suatu ketika dulu. Selama lebih kurang 25 tahun Nabi hidup berumah tangga dengan Sayidatina Khadijah.







Berbulan-bulan Dapur Tidak Berasap

عَنْ عُرْوَةَ عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا أَنَّهَا قَالَتْ لِعُرْوَةَ ابْنَ أُخْتِي إِنْ كُنَّا لَنَنْظُرُ إِلَى الْهِلَالِ ثُمَّ الْهِلَالِ ثَلَاثَةَ أَهِلَّةٍ فِي شَهْرَيْنِ. وَمَا أُوقِدَتْ فِي أَبْيَاتِ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَارٌ.

فَقُلْتُ يَا خَالَةُ مَا كَانَ يُعِيشُكُمْ.

قَالَتْ الْأَسْوَدَانِ التَّمْرُ وَالْمَاءُ. إِلَّا أَنَّهُ قَدْ كَانَ لِرَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ جِيرَانٌ مِنَ الْأَنْصَارِ كَانَتْ لَهُمْ مَنَائِحُ. وَكَانُوا يَمْنَحُونَ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ أَلْبَانِهِمْ فَيَسْقِينَا.

Daripada Urwah daripada Aisyah berkata, “Wahai anak saudaraku. Dulu kami perhatikan anak bulan ke anak bulan sampai tiga kali dalam masa dua bulan. Dalam tempoh itu tidak bernyala api langsung di mana-mana rumah Rasulullah.”

Aku pun bertanya, ‘Wahai ibu saudaraku, jadi kamu semua hidup dengan apa?’

Beliau menjawab, ‘Dua benda hitam; kurma dan air. Cuma Rasu-

AsamGaram Rabu.indd 103 11/1/18 12:19 PM







lullah ada jiran-jiran Ansar yang bela kambing-kambing perahan. Jadi mereka perahkan susunya dan beri minum kepada kami." (Riwayat al-Bukhari)

—Kitab Hibah, kitab hal yang melunakkan hati, bab kehidupan Nabi dan sahabat.

Hadis 2

Muhammad bin Amru daripada Abu Salamah daripada Aisyah, beliau berkata, "Dulu pernah menimpa (kesempitan) kepada keluarga Muhammad sebulan. Tidak terlihat asap pun dari mana-mana rumah Baginda."

Aku bertanya, "Jadi apa makanan mereka?"

Beliau menjawab, "Dua benda hitam sahaja; kurma dan air! Cuma kami ada jiran Ansar yang baik. Mereka bela ternakan. Mereka hantar susu kepada Nabi."

Muhammad berkata, "Mereka semua (keluarga Nabi) ketika itu sebanyak sembilan buah rumah." (Riwayat Ibn Majah)

—Kitab Zuhud, bab Kehidupan Keluarga Nabi.



Catatan

1. Nabi punya aneka peluang untuk menjadi kaya dan hidup senang tetapi Nabi tidak mahu.

2. Kehidupan rumah tangga Nabi ada ketikanya senang, namun banyak keadaannya susah. Bukan kerana tidak berusaha, tetapi memang sengaja.

3. Urwah bin Zubair ialah anak saudara Sayidatina Aisyah. Ibu beliau Sayidatina Asma' binti Abu Bakar, kakak ummul mukminin. Beliau juga anak sepupu Nabi kerana ayah beliau Zubair bin al-Awwam, sepupu Nabi.

AsamGaram Rabu.indd 104 11/1/18 12:19 PM







Nabi Kemalangan Lagi

عَنْ الزُّهْرِيِّ قَالَ أَخْبَرَنِي أَنَسُ بْنُ مَالِكٍ الْأَنْصَارِيُّ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَكِبَ فَرَسًا فَجُحِشَ شِقُّهُ الْأَيْمَنُ. قَالَ أَنَسٌ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ فَصَلَّى لَنَا يَوْمَئِذٍ صَلَاةً مِنْ الصَّلَوَاتِ وَهُوَ قَاعِدٌ. فَصَلَّيْنَا وَرَاءَهُ قُعُودًا.

ثُمَّ قَالَ لَمَّا سَلَّمَ إِنَّمَا جُعِلَ الْإِمَامُ لِيُؤْتَمَّ بِهِ. فَإِذَا صَلَّى قَائِمًا فَصَلُّوا قِيَامًا. وَإِذَا رَكَعَ فَارْكَعُوا. وَإِذَا رَفَعَ فَارْفَعُوا. وَإِذَا سَجَدَ فَاسْجُدُوا. وَإِذَا قَالَ سَمِعَ اللهُ لِمَنْ حَمِدَهُ فَقُولُوا رَبَّنَا وَلَكَ الْحَمْدُ.

Al-Zuhri berkata bahawa Anas bin Malik al-Ansari menceritakan bahawa pernah Rasulullah menunggang kuda kemudian jatuh terhempas pada lambung kanannya. Anas berkata, "Maka Baginda mengimami kami dalam satu solat pada hari itu dalam keadaan duduk. Maka kami pun solat duduk juga di belakang Baginda.

Selepas memberi salam, Nabi pun bersabda, "Sesungguhnya imam untuk diikuti. Jika dia solat berdiri, maka solatlah berdiri. Apabila dia rukuk, maka rukuklah. Apabila dia mengangkat kepala, maka angkatlah kepala. Apabila dia sujud maka sujudlah. Apabila dia sebut,


AsamGaram Rabu.indd 113 11/1/18 12:19 PM





سَمِعَ اللهُ لِمَنْ حَمِدَهُ

'Semoga Allah mendengar orang yang memuji-Nya',

Maka sebutlah,

رَبَّنَا وَلَكَ الْحَمْدُ

'Tuhan kami, milik Engkaulah segala pujian.'" (Riwayat al-Bukhari)

–Kitab Azan, bab 'Wajibnya Membaca Takbir dan Doa Pembuka Solat.'



Catatan

1. Pernah kemalangan di jalan raya bukan semestinya titik hitam dalam hidup. Bahkan Nabi beberapa kali kemalangan.
2. Imam al-Zuhri ialah ulama generasi tabiin paling terkemuka di Madinah pada zamannya. Beliau sempat berguru dengan sekitar 10 orang sahabat. Imam Malik, al-Tsauri dan Ibn Uyaynah antara nama besar yang turut meriwayatkan hadis daripada beliau.



Masjid Hudaibiyah. Sayidatina Ummu Salamah pernah sampai ke Hudaibiyah bersama Nabi. Di sini beliau membantu Nabi yang buntu.

AsamGaram Rabu.indd 114 11/1/18 12:19 PM





BAB 3

BERDIKARI



Kota Madinah sekitar tahun 1857. Selama 10 tahun Nabi hidup berumah tangga di sini.









Aisyah Buat Umrah Tanpa Nabi

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا أَنَّهَا قَالَتْ يَا رَسُولَ اللهِ اعْتَمَرْتُمْ وَلَمْ أَعْتَمِرْ. فَقَالَ يَا عَبْدَ الرَّحْمَنِ اذْهَبْ بِأُخْتِكَ فَأَعْمِرْهَا مِنَ التَّنْعِيمِ. فَأَحْقَبَهَا عَلَى نَاقَةٍ فَاعْتَمَرَتْ.

Daripada Sayidatina Aisyah bahawa beliau pernah berkata, “Wahai Rasulullah, kamu semua sudah mengerjakan umrah sedangkan saya belum!”

Nabi pun berkata, “Wahai Abdul Rahman, pergilah bersama saudaramu ini dan biarkan dia berumrah dari Tan‘im.”

Maka dia (Abdul Rahman) pun menaikkan Aisyah ke atas unta dan kemudiannya melakukan umrah. (Riwayat al-Bukhari)

—Kitab Haji, bab ‘Berhaji Dengan Kenderaan’.

Hadis 2

Abdul Rahman bin Abu Bakar al-Siddiq berkata, “Nabi pernah menyuruh aku memboncengkan Aisyah supaya beliau dapat mengerjakan umrah dari Tan‘im.” (Riwayat al-Bukhari)

AsamGaram Rabu.indd 185 11/1/18 12:19 PM







Aisyah Hias Rumah

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ كَانَ قِرَامٌ لِعَائِشَةَ سَتَرَتْ بِهِ جَانِبَ بَيْتِهَا. فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَمِيطِي عَنَّا قِرَامَكِ هَذَا. فَإِنَّهُ لَا تَزَالُ تَصَاوِيرُهُ تَعْرِضُ فِي صَلَاتِي.

Anas bin Malik menceritakan bahawa Sayidatina Aisyah menggunakan satu kain langsir untuk menutup satu sudut rumahnya. Kemudian Nabi bersabda, 'Tanggalkan kain langsir ini daripada kita kerana gambar-gambarnya asyik mengganggu saya dalam solat!'" (Riwayat al-Bukhari)

—Kitab Solat, bab Jika Seseorang Solat dengan Pakaian Yang Ada Salib Atau Gambar, Apakah Ia Merosakkan Solatnya? Apa Yang Terlarang Berkaitan Masalah Ini?



Catatan

1. Hal-hal menghias ialah kebiasaan kaum wanita.
2. Tidak dilarang isteri mengurus atur dalaman rumah suami.
3. Tidak ada halangan menghias rumah selagi tidak ada unsur haram. Dekorasi rumah Muslim punya prinsip tersendiri, yang perlu kita ketahui.

AsamGaram Rabu.indd 188 11/1/18 12:19 PM







Aisyah Buat Sendiri Alas Duduk

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا أَنَّهَا كَانَتْ اتَّخَذَتْ عَلَى سَهْوَةٍ لَهَا سِتْرًا فِيهِ تَمَاثِيلُ. فَهَتَكَهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. فَاتَّخَذَتْ مِنْهُ نُمْرُقَتَيْنِ فَكَانَتَا فِي الْبَيْتِ يَجْلِسُ عَلَيْهِمَا.

Daripada Sayidatina Aisyah bahawa beliau tidak sengaja membeli sehelai kain langsir yang mengandungi gambar patung. Lalu Nabi merobeknya. Maka beliau pun menjadikannya dua helai alas duduk Nabi di rumah. (Riwayat al-Bukhari)

—Kitab Perbuatan-Perbuatan Zalim Dan Merompak, bab 'Apakah Boleh Memecahkan Bekas Yang di Dalamnya Ada Arak...'



Catatan

1. Dalam rumah tangga Nabi wujud budaya kitar semula barangan terpakai, sebagaimana yang diisyaratkan dalam banyak hadis.
2. Suami isteri kena sama-sama cakna tentang dekorasi dalaman rumah agar sentiasa patuh syariat.


AsamGaram Rabu.indd 189 11/1/18 12:19 PM





BAB 4

KRISIS



Masjid Nabawi pada hari ini. Jika bertuah menjejakkan kaki ke sini, jangan lupa untuk mengimbau kehidupan berumah tangga Nabi dengan ummul mukminin.


AsamGaram Rabu.indd 201 11/1/18 12:19 PM







Nabi dan Hafsah Bercerai

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ عَنْ عُمَرَ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ طَلَّقَ حَفْصَةَ ثُمَّ رَاجَعَهَا.

Daripada Ibn Abbas daripada Umar bahawa Rasulullah pernah menceraikan Hafsah kemudian merujuknya semula. (Riwayat Abu Dawud dan al-Nasa'i)

Hadis 2

Qais bin Zaid menceritakan bahawa suatu ketika Rasulullah menceraikan Hafsah. Maka Hafsah pun pergi mengadu kepada dua orang bapa saudaranya, Qudamah dan Uthman bin Maz'un. Beliau berkata, "Demi Allah, Baginda tidak ceraikan aku kerana sudah bosan!"

Tidak lama selepas itu Nabi kembali ke rumah. Maka Hafsah pun bertudung. Nabi bersabda, 'Sebentar tadi Jibrail datang kepada saya dan berkata, 'Rujuklah semula Hafsah. Sesungguhnya dia seorang yang kuat berpuasa dan berqiamullail. Sesungguhnya dia isterimu di syurga.'" (Riwayat al-Hakim dan al-Tabarani dalam *Mu'jam al-Kabir*)

Hadis 3

Uqbah bin 'Amir menceritakan bahawa suatu hari Nabi menceraikan

AsamGaram Rabu.indd 203 11/1/18 12:19 PM









Aisyah Dituduh Curang

Catatan Awal

1. Peristiwa Sayidatina Aisyah dituduh curang dikenali dengan nama Peristiwa Dusta (حديث الإفك).

2. Peristiwa ini berlaku pada tahun ke-6 Hijrah iaitu selepas berakhir perang Bani Mustaliq.

3. Tersebar gosip kononnya Sayidatina Aisyah bersekedudukan dengan seorang sahabat muda bernama Safwan bin Mu‘attal dalam perjalanan pulang dari perang tersebut.

4. Peristiwa khabar angin jahat ini berlangsung lebih sebulan. Selama sebulan wahyu tidak turun untuk menjelaskan sebarang perkara. Sesungguhnya hikmah yang sangat banyak di sebalik peristiwa ini.

5. Selama tempoh itu juga Nabi menanggung ujian emosi yang sangat dahsyat. Sayidatina Aisyah juga tidak kurang walaupun tempohnya lebih singkat.

   Nabi sudah berkira-kira untuk menceraikan Sayidatina Aisyah. Betapa dahsyatnya sehingga Nabi sendiri pun “terkesan” dengan khabar jahat ini. Baginda tidak pasti sama ada Sayidatina Aisyah curang atau tidak.

AsamGaram Rabu.indd 208 11/1/18 12:19 PM





Kisah Penuh (1)

Sayidatina Aisyah berkata: "Menjadi kebiasaan Rasulullah apabila hendak bermusafir, Baginda akan membuat undian antara isterinya. Mana-mana antara mereka yang terpilih, Nabi akan membawanya bersama. Maka dalam suatu peperangan, Baginda membuat undian lalu undianku yang keluar. Jadi aku yang pergi bersama Baginda. Pada ketika itu baru sahaja diwahyukan ayat hijab. Maka aku dibawa dan ditempatkan di dalam khemah.

Kami pun berjalan, hingga Rasulullah selesai daripada peperangan tersebut, kami kembali pulang. Ketika itu kami sudah hampir dengan Madinah, dan Baginda mengarahkan supaya berhenti untuk berehat pada malam tersebut.

Aku pun bangkit setelah kami semua berhenti. Aku berjalan hingga aku jauh daripada para tentera. Setelah selesai keperluanku, aku kembali semula ke arah khemah. Aku meraba-raba dadaku, rupa-rupanya kalungku yang dibuat daripada batu akik, telah jatuh. Jadi aku berpatah balik untuk mencari kalungku. Pencarian kalung itu telah melewatkanku.

Pada waktu tersebut, mereka yang membawaku mula mengangkat khemahku. Mereka meletakkannya di atas belakang unta tungganganku, kerana menyangka aku ada di dalamnya. Memang para wanita ketika itu ringan-ringan dan tidak berat. Mereka tidak beria-ia makan daging, sebaliknya hanyalah sesuap dua makanan. Maka tentunya tidak terasa perbezaan pada berat khemah itu ketika mereka mengangkatnya, justeru mereka terus membawanya seperti biasa. Tambahan pula, ketika itu aku masih anak muda. Akhirnya mereka mengiringi unta dan meneruskan perjalanan.

Aku jumpa semula kalungku. Aku segera kembali semula ke tempat kami berhenti, namun tiada seorang pun di situ. Jadi aku menuju semula ke tempat aku turun tadi dan tunggu di situ. Aku berharap mereka akan sedar ketiadaanku, justeru datang semula mencariku. Dalam masa itu, aku rasa sangat mengantuk lalu tertidur.

AsamGaram Rabu.indd 210 11/1/18 12:19 PM









Nabi Merajuk dengan Semua Isteri

Catatan Awal

1. Selama sebulan atau lebih tepat 29 hari Nabi merajuk dengan kesemua ummul mukminin. Selama tempoh itu Nabi enggan bertemu apa lagi bercakap dengan mereka. Nabi juga tinggal berasingan. Betapa Nabi marah dan kecewa dengan mereka.

2. "Krisis" rumah tangga Nabi ini juga menjadi krisis nasional. Tersebar khabar angin bahawa Nabi menceraikan kesemua isteri. Bahkan peristiwa ini dianggap lebih dahsyat daripada kebimbangan bahawa Madinah akan diserang kuasa luar.

3. Peristiwa ini kemungkinan berlaku pada tahun ke-5 Hijrah iaitu selepas perang Ahzab atau lebih khusus selepas perang Yahudi Bani Quraizhah. Jika begitu, babak ini terjadi dulu sebelum peristiwa Aisyah dituduh curang.

3. Sebab Nabi merajuk adalah kerana kecewa dengan para ummul mukminin yang berpakat mendesak Baginda supaya meningkatkan taraf hidup mereka. Ditambah pula sebelum itu terjadi kerenah Sayidatina Aisyah dan Hafsah yang menyakat Nabi sehingga berakhir dengan Baginda ditegur oleh Allah.

AsamGaram Rabu.indd 232



11/1/18 12:20 PM







عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ آلَى رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ نِسَائِهِ شَهْرًا. وَقَعَدَ فِي مَشْرُبَةٍ لَهُ. فَنَزَلَ لِتِسْعٍ وَعِشْرِينَ. فَقِيلَ يَا رَسُولَ اللهِ إِنَّكَ آلَيْتَ عَلَى شَهْرٍ. قَالَ إِنَّ الشَّهْرَ تِسْعٌ وَعِشْرُونَ.

Anas menceritakan, "Rasulullah pernah bersumpah untuk tidak mendekati isteri-isteri Baginda selama sebulan. Sepanjang tempoh itu, Baginda tinggal di sebuah bilik. Kemudiannya Baginda turun semula pada hari ke-29.

Maka Baginda ditanya, 'Bukankah tuan bersumpah untuk sebulan?'

Jawab Baginda, 'Bulan ini 29 hari sahaja.'" (Riwayat al-Bukhari)

– Kitab Nikah, bab Firman Allah "Kaum laki-laki itu pemimpin bagi kaum wanita.."

Hadis 2

Ikrimah bin Abdul Rahman bin al-Harith berkata bahawa Ummu Salamah pernah memberitahunya bahawa Nabi pernah bersumpah untuk tidak menemui sebahagian isteri Baginda selama sebulan. Namun selepas 29 hari, Baginda kembali menemui mereka semula.

Jadi Baginda ditanya, "Wahai Nabi Allah, bukankah tuan bersumpah untuk tidak menemui mereka selama sebulan?"

Baginda menjawab, 'Bulan ini sebanyak 29 hari sahaja.'" (Riwayat al-Bukhari)

– Kitab Nikah, bab Nabi memulau isteri-isterinya di luar rumah mereka.

Hadis 3

Ibn Abbas menceritakan, "Pada suatu hari, kami dapati semua isteri Nabi menangis. Setiap orang bersama ahli keluarga masing-masing. Kemudian aku pergi ke masjid dan mendapati ramai orang di situ.

AsamGaram Rabu.indd 234 11/1/18 12:20 PM